

Pesta Buku Sempena Program Galakan Membaca PTAR



Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said merasmikan Program Pesta Buku PTAR

Legar Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam, merupakan kerjasama dengan MABOPA (Malaysian Book Publishers Association) dalam misi mereka "Jelajah Buku MABOPA".

Majlis pelancaran program ini telah berlangsung pada 29 Mac 2016 yang dilaksanakan oleh Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said sekaligus telah membuat lawatan ke PTAR.

Shah Alam - Pesta dan jualan buku yang diadakan bersempena dengan Program Galakan Membaca PTAR 2016 adalah satu usaha perpustakaan untuk mendekatkan warga universiti kepada bahan bacaan yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit tempatan. Ia juga merupakan aktiviti yang dapat menyokong gerakan membudayakan minat membaca dan mencintai ilmu di kalangan warga universiti khususnya dan masyarakat amnya.

Program ini telah berlangsung selama 3 hari iaitu bermula 28 – 30 Mac 2016, bertempat di Ruang



Booth jualan buku mendapat sambutan hangat

Program ini melibatkan sebanyak 20 penerbit tempatan yang mempromosikan buku-buku terbitan mereka. Sesi pemilihan buku turut diadakan untuk Jabatan/Pusat/Unit Dalaman UiTM.



Bergambar kenangan selepas Naib Canselor UiTM melaksanakan perasmian program

Turut diadakan pelbagai aktiviti sempena program ini iaitu Cabutan Bertuah, Pertandingan Ulasan Buku, Pertandingan Video Pendek, Pertandingan Menulis Esei, Instagram Challenge dan Slot Penerbit.



Naib Canselor UiTM dan Ketua Pustakawan UiTM turut mengadakan lawatan ke booth di ruang legar PTAR

SIDANG REDAKSI

Penasihat

En. Noor Hidayat Adnan

Editor

Pn. Roslina Mohamad Ali

**Pengurus Produksi**

Pn. Hajah Wan Norizan Wan Mansor

**Wartawan**

En. Mohd Hazrul Mohd Hussin

**Idea, Konsep dan Terbitan
Bahagian Penerbitan, PTAR****Grafik**

Pn. Ain Nur Munirah Abdullah
En. Zawawi Hussain

**Foto**

Pn. Rostinah Mujir

Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Di Anugerahkan Emerald's High Usage Award 2015

5 TAHUN BERTURUT-TURUT

SHAH ALAM – Emerald Group Publishing telah menyenaraikan sebanyak 20 institusi akademik tertinggi di peringkat antarabangsa bagi pemuat turun terbanyak tahunan dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) sekali lagi telah dianugerahkan Emerald's High Usage Award untuk tahun 2015. Kejayaan ini telah menyenaraikan UiTM sebagai pemuat turun kandungan Emerald yang tertinggi di dunia bagi 5 tahun berturut-turut.

Penganugerahan ini telah disampaikan oleh wakil pihak Emerald Group Publishing Malaysia kepada Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Bin Said dan diiringi oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM, En. Noor Hidayat Bin Adnan bersempena dengan Majlis Pelancaran Pesta Buku PTAR 2016 baru-baru ini pada 29 Mac 2016.

Emerald's High Usage Award merupakan satu penganugerahan oleh Emerald's Group Publishing bertujuan untuk meraikan institusi-institusi yang melanggan kepada pangkalan datanya serta mengiktiraf kandungan jurnal Emerald yang berkualiti tinggi yang meliputi pelbagai subjek termasuk Business and Management, Marketing, Library Studies, Education Studies, Engineering, Business Finance and Accounting dan Communication Studies.

Menurut Pengarah Urusan Pemasaran Global Emerald, Shariq Mumtaz berkata, "Anugerah Penggunaan Tertinggi ini, menunjukkan pencapaian global dan keberkesanan penyelidikan organisasi kami dalam mengiktiraf 20 institusi akademik yang mencapai muat turun tertinggi kandungan eJurnal Emerald. Kami

sangat berbangga dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana sekali lagi telah menjadi institusi akademik yang mencapai muat turun tertinggi dengan jumlah muat turun sebanyak 970,000 artikel berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 910,212 artikel.

Antara senarai 20 institusi yang memenangi kandungan eJournal mengikut turutan penggunaan tertinggi oleh Emerald Group Publishing adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Monash University, University of Phoenix, Liberty University, Northumbria University, University of Manchester, The Institute for Development Policy and Management (IDPM), SEGi International Bhd, IQRA University, University of Liverpool dan Griffith Assumption University of Thailand.

"Dengan penganugerahan dan pengiktirafan kali ke-5 ini, adalah diharapkan supaya warga UiTM akan terus melonjakkan penggunaan pangkalan data Emerald bagi menyokong hasil penulisan yang berimpak tinggi agar dapat meletakkan UiTM di persada dunia. Pengiktirafan ini juga diharapkan dapat dikekalkan untuk tahun yang akan datang", kata En. Noor Hidayat Bin Adnan, Ketua Pustakawan PTAR, UiTM pada majlis pelancaran tersebut.



Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Bin Said (tengah) menerima anugerah Emerald's High Usage Award 2015 daripada wakil Emerald Group Publishing Malaysia di Shah Alam baru-baru ini.



dan Griffith Assumption University of Thailand.

PTAR ke Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi - Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan (JPBP) telah mengadakan penandaarasan Resource Description and Access (RDA) ke Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1 Mac 2016. Seramai 25 orang staf PTAR yang terdiri daripada staf JPBP dan Pustakawan Kata-log, Perpustakaan Fakulti turut menghadiri lawatan kali ini.

"Tujuan lawatan ini adalah khusus untuk menimba pengetahuan dan pengalaman mengenai amalan terbaik yang diamalkan oleh Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM dalam membangunkan standard baru pengkatalogan RDA di Perpustakaan UiTM"

Objektif bagi lawatan kerja ini ialah :

1. Memberikan pendedahan kepada staf bagi memahami konsep RDA yang telah diperaktikkan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM
2. Perkongsian maklumat dan informasi mengenai penetapan baru pengkatalogan Resource Description and Access (RDA) terutama bagi bahan sumber digital dan atas talian.


Sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Rosnah Suliman, Ketua Timbalan Pustakawan dan Cik Hayatul Azlah Ghazali, Ketua Bahagian Katalog & Kelas, Perpustakaan Tun Seri Lanang.

Hasil lawatan ini amat berguna kepada Pustakawan Katalog PTAR kerana telah mendapat pendedahan dalam mempelajari pengurusan projek perlaksanaan RDA, membangunkan standard dan polisi pengkatalogan mengikut RDA, serta keperluan LMS (Library System Management). Ianya boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak Perpustakaan UiTM yang kini dalam proses untuk menggunakan standard pengkatalogan RDA ini.

"RDA merupakan singkatan bagi Resource Description and Access. Ia merupakan peraturan standard baru antarabangsa bagi pengkatalogan yang menggantikan Anglo-American Cataloguing Rules 2nd edition (AACR2). RDA merupakan alat pengkatalogan (cataloguing tools) atas talian bagi memenuhi keperluan dunia digital masakini kerana AACR tidak lagi dapat menampung keperluan tersebut. Semua perpustakaan di Malaysia telah disarankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk mengaplikasi penggunaan RDA bagi memastikan rekod pengkatalogan adalah selari dengan keperluan standard antarabangsa."



Delegasi dari PTAR mengabadikan kenangan bersama dengan staf Perpustakaan Tun Sri Lanang



R | D | A®

RESOURCE DESCRIPTION & ACCESS

Ketua Pustakawan ke Perpustakaan Al-Bukhari



Staf Perpustakaan Al-Bukhari bergambar bersama Encik Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan UiTM



Sesi lawatan oleh Encik Noor Hidayat Adnan sedang dijalankan

Jengka, 21 Mac 2016 - Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan dan diiringi oleh Encik Ariffin Jamaludin, Ketua Jabatan Arkib Universiti, telah membuat lawatan kerja rasmi ke Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Pahang.

Siri lawatan kerja ini akan diadakan sepanjang 2016 ke seluruh sistem Perpustakaan UiTM yang telah bermula dengan Perpustakaan UiTM Kampus Dengkil pada 22 Februari 2016 yang lepas.

Penerangan mengenai perkembangan serta pencapaian perpustakaan telah pun disampaikan oleh Puan Rosnita bt. Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan UiTM Cawangan Pahang.

Di kesempatan lawatan ini juga, warga perpustakaan telah diberikan taklimat mengenai hala tuju perpustakaan serta staf sentiasa diingatkan supaya menjaga integriti serta ketanggungjawaban dalam menjalankan tugas. Lawatan kerja sehari ini telah

Ketua Pustakawan ke PTAR PFI Kampus Raub



Mengabadikan kenangan bersama sebelum lawatan ini berakhir

Raub, 22 Mac 2016 - Perpustakaan PFI PTAR Kampus Raub, telah menerima kunjungan dari-pada Ketua Pustakawan UiTM, En Noor Hidayat Adnan. Kampus Raub ini adalah kampus yang dibangunkan dibawah pelan Private Financial Initiative (PFI).

Kunjungan ini telah disambut oleh Pegawai Perpustakaan Kampus Jengka yang diketuai

oleh Puan Rosnita binti Ja'afar, Penolong Pendaf-tar Kanan, En. Mohd Hasni bin Husin serta staf perpustakaan.

Penerangan dan taklimat perpustakaan telah di sampaikan oleh Encik Mohd Anwar bin Hasim, Pustakawan Perpustakaan PFI PTAR Kampus Raub.



Encik Ariffin Jamaludin menyampaikan cenderahati kepada wakil PTAR Kampus Raub

Sekolah Menengah Seksyen 7 & Seksyen 16

Lawatan

Ke PTAR Sempena Pesta Buku PTAR 2016



Sebahagian pelajar dari SMK Seksyen 7 ketika lawatan di Learning commons PTAR

29 Mac 2016 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar oleh dua buah sekolah sekitar Shah Alam iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 7 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16 sempena pesta buku PTAR 2016.

Tiba pada jam 10 pagi di PTAR, lawatan oleh Sekolah Menengah Seksyen 7 diwakili oleh 2 orang guru pengiring dan 34 orang pelajar yang terdiri dari murid tingkatan 3 dan 4.

Pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16 pula tiba pada jam 12 tengahari yang terdiri daripada 2 orang guru pengiring dan 40 orang pelajar.

Sejurus ketibaan, rombongan oleh kedua-dua sekolah ini dibawa melawat ke sekitar perpustakaan bagi tujuan memperkenalkan kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di dalam Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Melalui kaedah ini juga, pelajar diberi peluang untuk mengenali UiTM dengan lebih dekat disamping memberikan pelajar ilmu pengetahuan dan pengalaman tentang Perpustakaan UiTM.



Pelajar sedang mendengar penerangan



Sekitar lawatan di tapak pesta buku

Tazkirah PTAR Bulan Mac : **Tazkirah Bulanan “Harta Sepencarian”**

Tazkirah Bulanan

Shah Alam, 25 Mac 2016 - Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menganjurkan Tazkirah bulanan bermula jam 8.30 pagi bertempat di Bilik Seminar Utama PTAR.

Penceramah pada hari tersebut adalah Ustaz Mohd Afiz Hasan dari Bahagian Hal Ehwal Islam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam. Beliau menyampaikan ceramah yang amat bermanfaat bertajuk Harta Sepencarian.



Peserta sedang mendengar tazkirah yang disampaikan



Ustaz Mohd Afiz Hasan sedang menyampaikan tazkirah beliau

SEMINAR PENARAFAN UNIVERSITI : Apa Peranan Kita?



Sebahagian pegawai bergambar bersama Ketua pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan dan penceramah

Shah Alam - Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menganjurkan program Seminar Penarafan Universiti: Apa peranan kita pada 15 hingga 16 Mac 2016. Program yang bermula pada jam 8.30 pagi ini turut dihadiri oleh dua orang wakil Ketua Perpustakaan UiTM Negeri dan Pustakawan dari setiap negeri.

Pada tarikh 15 Mac 2016, program diadakan di Dewan ILEAD UiTM manakala keesokannya iaitu 16 Mac 2016 program telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Perniagaan Tun Abdul Razak (PTAR 2).

Penceramah program tersebut adalah Prof.Dr.Hajah Roziah Mohd Janor iaitu Pengarah Penarafan Universiti,UiTM, Prof. Madya Dr. Zuraiddah Abdul Manaf iaitu Ketua Sitasi Malaysia(PSM),Kementerian Pengajian Tinggi,Malaysia.

Objektif program ini diadakan adalah untuk :

1. Memberi kefahaman mendalam kepada peserta mengenai sistem penarafan universiti yang dianjak ke peringkat antarabangsa.
2. Meningkatkan kesedaran mengenai di manakah peranan PTAR dalam meningkatkan penarafan universiti.
3. Memperjelaskan peranan pustakawan dan perpustakaan dalam meningkatkan visibility penerbitan universiti.
4. Penerangan mengenai Pusat Sitisasi Malaysia (PSM) dan jalinan kolaborasi di antara PSM dan perpustakaan.
5. Penerangan mengenai PRISMa dan peranan dan skop tanggungjawab perpustakaan dalam membuat semakan.



Antara pegawai yang menghadiri program tersebut

Kursus Adobe Illustrator di PTAR



Encik Darus Kasim sedang memberikan tunjuk ajar kepada peserta kursus

Objektif kursus ini diadakan bertujuan untuk :-

- a) Memberi kefahaman dan kemahiran mengenai penggunaan Adobe Illustrator (Intermediate).
- b) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Adobe Illustrator dengan versi yang terkini.
- c) Memberi peluang kepada staf untuk menjadi lebih kreatif dalam mengendalikan Adobe Illustrator.
- d) Mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam penggunaan Adobe Illustrator.



Peserta tekun mempelajari Adobe Illustrator daripada Encik Darus Kasim

Shah Alam - Bahagian Pengurusan Sistem Perpustakaan (BPSP) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Modal Insan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan Kursus Adobe Illustrator (Intermediate) PTAR pada 29 hingga 31 Mac 2016. Kursus yang bertempat di Pusat IT, PTAR itu bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 5 petang.

Penceramah kursus adalah Encik Darus Kasim iaitu Timbalan Pereka Grafik, Ketua Bahagian Media Kreatif dari Jabatan Komunikasi Korporat UiTM, manakala fasilitator adalah Encik Mohd Paizal Bin Usman yang merupakan Pembantu Perpustakaan di Unit Pengurusan ICT, PTAR.

Audit Dalam PTAR Bil 1/2016



Para pegawai PTAR sedang tekun mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ketua Pustakawan, Encik Noorhidayat Adnan sewaktu mesyuarat pembukaan

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menjalani Audit Dalam PTAR Bil.1/2016 pada 24-25 Mac 2016.

Pengauditan dijalankan di Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Fakulti termasuk Perpustakaan Kampus Selangor iaitu Perpustakaan Puncak Alam dan Perpustakaan Puncak Perdana.

Tema pada kali ini adalah menumpukan proses kerja dalaman PTAR. Seramai 38 orang Auditor Dalam yang terdiri daripada Pustakawan & Pustakawan Kanan telah terlibat dalam sesi pengauditan kali ini.



Sesi pengauditan di Jabatan sedang dijalankan

Bengkel Bimbingan Intensif Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) di PTAR



Tuan Haji Azizi memberikan tunjuk ajar kepada peserta KIK PTAR

Tujuan bengkel ini diadakan adalah sebagai persediaan bagi tiga kumpulan KIK yang akan mewakili PTAR ke Konvensyen KIK Peringkat MPC Wilayah Selatan 2016

Konvensyen ini akan diadakan pada 5 April 2016 bertempat di Hotel Swiss Garden, Melaka.

Peserta yang terlibat adalah kumpulan-kumpulan yang telah mewakili PTAR ke Konvensyen KIK UiTM kali ke 20 diadakan di Hotel Adya Langkawi, Kedah pada 3-4 November 2015 yang lalu.

Shah Alam, 16 - 17 Mac 2016 - Telah diadakan satu bengkel khas untuk peserta Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang mewakili PTAR. Bermula jam 8.00 pagi dan berakhir jam 5 petang, bengkel ini bertempat di Bilik seminar dan dikendalikan oleh Tuan Haji Azizi Jantan selaku fasilitator.